



JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA

**PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN
PENOLONG JURUUKUR BAHAN
2010
UKUR BAHAN**

KOD : PTU04
SUBJEK : SPESIFIKASI
TARIKH : 11 MEI 2010
MASA : 2.00 PTG – 5.00 PTG

**DILARANG MEMBUKA KERTAS SOALAN
SEHINGGA DIARAHKAN**

ARAHAN KEPADA CALON

1. **Tuliskan angka giliran serta nombor kad pengenalan anda dengan terang pada tiap-tiap helai kertas jawapan yang digunakan. Jangan sekali-kali menulis nama anda pada kertas jawapan. Kertas jawapan yang mengandungi nama calon akan dianggap tidak sah.**
2. **Pastikan anda mendapat kertas soalan yang lengkap.**
3. **Jawab dalam Bahasa Malaysia sahaja. Istilah-istilah teknikal yang tiada terjemahannya atau sukar diterjemahkan boleh dikedatkan dalam bahasa asalnya. Jawapan yang tidak mematuhi syarat ini tidak akan diberi markah.**
4. **Jawab secukup soalan sahaja mengikut arahan dalam kertas soalan. Jawapan bagi soalan lebih tidak akan diberi markah.**
5. **Semua perkiraan untuk mendapatkan jawapan hendaklah ditunjukkan. Jawapan yang betul tetapi tiada menunjukkan perkiraan tidak akan diberi markah.**
6. **Calon-calon digalakkan membuat lakaran untuk menjelaskan jawapan mereka di mana sesuai.**
7. **Calon-calon dilarang merujuk kepada buku atau sebarang bahan rujukan melainkan yang dibenarkan mengikut arahan yang tercatat dalam permulaan kertas soalan.**
8. **Penggunaan mesin pengira elektronik tanpa kemudahan program adalah dibenarkan melainkan jika dinyatakan sebaliknya di dalam kertas soalan.**
9. **Bagi subjek peperiksaan di mana masa rehat diberi (misalnya, subjek LUKISAN), calon-calon adalah dilarang membawa kertas soalan keluar dari dewan peperiksaan pada bila-bila masa sehingga keseluruhan peperiksaan untuk subjek berkenaan tamat.**
10. **Semua kertas jawapan mesti disusun dan diikat dengan sempurna.**
11. **Calon-calon dilarang mengambil kertas jawapan kosong yang telah disediakan keluar dari dewan peperiksaan pada bila-bila masa.**
12. **Calon-calon tidak dibenarkan keluar dewan peperiksaan dalam tempoh masa 30 minit dari mulanya peperiksaan.**
13. **Tindakan tatatertib akan diambil terhadap calon-calon yang menyerahkan kertas jawapan kosong (tanpa sebarang jawapan) sekiranya mereka tidak mempunyai sebab yang menasabah.**
14. **Calon-calon yang dldapati meniru/menipu semasa menduduki peperiksaan akan dikenakan tindakan tatatertib.**
15. **Tindakan tatatertib akan diambil terhadap calon yang mengingkari arahan Ketua Pengawas semasa di dalam dewan peperiksaan.**

PERKARA : PTU04 – SPESIFIKASI

ARAHAN KEPADA CALON

*Kertas ini mengandungi sepuluh (10) soalan
Jawab mana-mana **lima (5)** soalan sahaja*

Calon tidak dibenarkan merujuk kepada sebarang bahan rujukan.

SOALAN 1

Asas merupakan bahagian struktur bangunan yang terletak terus pada tanah serta mampu memindahkan beban binaan kepada tanah dengan sempurna dan teratur.

- a) Nyatakan kepentingan atau keperluan asas dalam kerja bangunan.

(6 markah)

- b) Senaraikan jenis-jenis asas.

(4 markah)

- c) Senaraikan **sepuluh (10)** tajuk utama dalam Spesifikasi Piawai untuk kerja Cerucuk Konkrit Tetulang Tuang Dulu.

(10 markah)

SOALAN 2

- a) Jelaskan maksud Spesifikasi?

(4 markah)

- b) Bilakah Spesifikasi perlu disediakan dan bilakah pula Spesifikasi Addenda perlu dibuat?

(8 markah)

SOALAN 2 (sambungan)

- c) Apakah kriteria penting dalam menyediakan Spesifikasi Kerja yang baik?

(4 markah)

- d) Apakah kepentingan menyediakan Spesifikasi Kerja yang lengkap?

(4 markah)

SOALAN 3

- a) Tuliskan spesifikasi bagi kerja korekan tanah keras dan korekan tanah lembut.

(10 markah)

- b) Tuliskan spesifikasi bagi kerja rawatan anai-anai.

(5 markah)

- c) Tuliskan spesifikasi bagi kerja pembinaan tapak bina.

(5 markah)

SOALAN 4

- a) Konkrit merupakan bahan penting dalam pembinaan sesebuah bangunan. Apakah bahan campuran atau komponen-komponen bagi menghasilkan konkrit tersebut?

(5 markah)

- b) Tuliskan spesifikasi bagi agregat kasar atau batu baur kasar.

(5 markah)

SOALAN 4 (sambungan)

- c) Simen adalah bahan yang mudah keras jika bercampur air. Nyatakan spesifikasi bagi menyimpan simen.

(10 markah)

SOALAN 5

- a) Tuliskan spesifikasi bagi Kerja Awalan berikut:

- i) Gambar foto Kemajuan Kerja
- ii) Program Kerja
- iii) Dinding Adang
- iv) Jalan Masuk

(20 markah)

SOALAN 6

- a) Tuliskan spesifikasi bagi batu bata berikut dan kegunaannya:

- i) Bata Biasa
- ii) Bata Muka
- iii) Bata Kejuruteraan

(12 markah)

- b) Apakah ukuran piawai bata yang biasa digunakan dalam kerja pembinaan?

(3 markah)

- c) Apakah campuran kandungan mortar dan nyatakan nisbah bancuhan yang selalu digunakan dalam kerja pembinaan bangunan.

(5 markah)

SOALAN 7

- a) Terdapat beberapa jenis cat yang digunakan dalam kerja kemas bangunan. Nyatakan jenis cat yang sesuai digunakan bagi permukaan-permukaan berikut:
- i) Permukaan berlepa (bahagian luar)
 - ii) Permukaan berlepa (bahagian dalam)
 - iii) Permukaan papan gypsum
 - iv) Permukaan besi keluli
- (4 markah)*
- b) Tuliskan spesifikasi bagi kerja mengecat permukaan besi yang baru; dan spesifikasi untuk mengecat semula bagi kerja kayu sedia ada.
- (16 markah)*

SOALAN 8

- a) Berikan definisi hadkor.
- (5 markah)*
- b) Apakah fungsi utama lapisan kalis air dan di manakah ianya digunakan dalam sesebuah bangunan?
- (10 markah)*
- c) Tuliskan spesifikasi Lapisan Kalis Air yang digunakan dalam bangunan dengan merujuk kepada jawapan di **Soalan 8(b)** di atas.
- (5 markah)*

SOALAN 9

a) Senarai satu jadual lengkapan pintu tingkap bagi perkara-perkara berikut:

- i) Pintu rintangan api dua daun
- ii) Almari pakaian
- iii) Pintu dua daun
- iv) Pintu bilik air

(16 markah)

b) Nyatakan **empat (4)** kehendak am bagi Kerja Pertukangan Kayu, Tanggam dan Pemasangan Lengkapan Pintu Tingkap.

(4 markah)

SOALAN 10

a) Senaraikan **lima (5)** tajuk utama dalam spesifikasi piawai untuk kerja Penanaman Rumput dan Pokok.

(5 markah)

b) Tuliskan spesifikasi untuk **tiga (3)** tajuk utama yang disenaraikan di atas.

(15 markah)
